

SOALAN NO. 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD
[MERSING]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan bantuan kewangan kepada penerima bantuan kebajikan memandangkan Kerajaan akan melaksanakan GST pada tahun 2015. Jika tiada, apakah usaha Kementerian untuk membantu mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kerajaan sentiasa prihatin ke atas masalah dan cabaran yang dihadapi oleh golongan yang memerlukan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai skim Bantuan Kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik dan selesa.

Sebagaimana yang kita maklum pelaksanaan GST : Cukai Barangan & Perkhidmatan (*Goods & Services Tax*) pada April 2015 tidak membebankan penerima Bantuan Kebajikan kerana tidak melibatkan kenaikan harga barangan keperluan asas seperti beras, gula, garam, tepung, minyak masak dan keperluan asas yang lain. Begitu juga dalam perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan pengangkutan awam dikecualikan dari pelaksanaan GST, hampir satu pertiga daripada 944 barangan dalam sekumpulan barangan indeks harga pengguna tidak dikenakan GST. Oleh

itu ianya tidak memberikan kesan yang besar kepada golongan berpendapatan rendah.

Walau bagaimana pun, KPWKM) melalui JKM amat perihatin akan masalah dan cabaran yang dihadapi kumpulan sasar dengan mengkaji semula kadar bantuan dan kelayakan bagi permohonan bantuan dari masa ke semasa.

Buat masa ini, pihak kerajaan melalui pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 telah mencadangkan kenaikan kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) daripada RM300 kepada RM350 sebulan, manakala Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) pula dinaikkan daripada RM150 kepada RM200 sebulan berkuatkuasa mulai Januari 2015.

Bagi memastikan kadar skim bantuan yang disediakan sentiasa relevan dengan keadaan semasa, sukacita dimaklumkan bahawa KPWKM mengguna mekanisme kriteria kelayakan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menentukan kelayakan menerima bantuan kebajikan.

Antara usaha bagi meringankan beban kewangan kepada golongan yang memerlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan bantuan kebajikan kepada seramai 493,076 orang penerima yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.542 bilion pada tahun 2013 dan pada tahun 2014, sehingga Mei JKM telah menyalurkan RM617.6 juta untuk manfaat 459,327 orang penerima.

Pada masa yang sama, Kementerian turut memberi tumpuan kepada pendekatan *Productive Welfare* bagi membantu penerima bantuan kebajikan keluar daripada kepompong kemiskinan melalui Bantuan Geran Pelancaran (BGP). Bantuan ini diberikan bagi melaksanakan program pendayaupayaan klien Jabatan yang produktif dan mempunyai minat serta potensi untuk maju supaya dapat menceburi bidang keusahawanan dan kerja agar meningkatkan taraf hidup ke arah berdikari. Pada tahun 2013, sejumlah RM1.226 juta telah disalurkan kepada 900 orang penerima sebagai modal permulaan untuk memulakan perniagaan. Bagi tahun 2014, sehingga Mei seramai 140 orang penerima telah menerima Bantuan Geran Pelancaran melibatkan peruntukan sebanyak RM353,513.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 22

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status berkenaan mendapan yang kerap berlaku di KLIA 2 dan tahap keselamatan di KLIA 2 susulan penutupan 9 tempat letak kapal terbang di sebabkan oleh kebocoran saluran bahan api baru-baru ini.

JAWAPAN

Berkenaan dengan penutupan 9 tempat letak kapal terbang akibat kebocoran saluran bahan api, sehingga kini hanya 2 tempat letak pesawat masih ditutup untuk kerja-kerja pembaikan manakala baki 7 tempat letak pesawat yang ditutup sementara waktu pembocoran saluran bahan api tersebut kini sudah beroperasi dengan penuh.

Pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah menjalankan kajian secara komprehensif yang membolehkan MAHB mengenal pasti dan melaksanakan tindakan berterusan yang paling sesuai dan praktikal bagi menangani isu ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
BAGI DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 23

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pencapaian "*hits*" yang menonton siaran langsung sidang perbahasan Parlimen Malaysia menerusi laman web RTM iaitu rtmparlimen.gov.my yang diperkenalkan pada tahun 2013 lalu dan sejauh manakah tontonan ramai bagi rancangan siaran langsung sidang perbahasan menerusi saluran TV1 bagi tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan sepuluh bulan pertama 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pencapaian Hits yang menonton siaran langsung sidang perbahasan Parlimen Malaysia menerusi laman web RTM iaitu rtmparlimen.gov.my pada tahun 2013 adalah seperti berikut :

- Dewan Rakyat sebanyak 565,403 hits
- Dewan Negara sebanyak 64,499 hits

Jumlah penonton rancangan siaran langsung sidang Parlimen menerusi saluran TV1 sebagaimana data yang dikeluarkan oleh AC Nielson adalah seperti berikut :

- 2010 - sebanyak 37,000 penonton
- 2011 - sebanyak 35,000 penonton
- 2012 – sebanyak 70,000 penonton
- 2013 - sebanyak 180,000 penonton

Bagaimanapun, mulai sesi persidangan Parlimen tahun 2014, data yang dikeluarkan oleh Media Analytics, menunjukkan purata penonton siaran langsung persidangan Parlimen adalah seperti berikut:

- Mac hingga April sebanyak 152,000 hingga 163,000 penonton
- Jun – sebanyak 147, 125 penonton
- Julai – sebanyak 414, 424 penonton